



## **KEMENTERIAN KEWANGAN**

### **SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 3 TAHUN 2007**

Semua Pegawai Pengawal  
Semua Pengarah Pembangunan Persekutuan  
Semua Pengarah Pembangunan Negeri

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK INFRASTRUKTUR ASAS**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan memaklumkan garis panduan berkaitan kaedah pelaksanaan dan tatacara perolehan bagi projek infrastruktur asas yang dibiayai daripada Peruntukan Khas Kementerian Kewangan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pelaksanaan projek infrastruktur asas telah disambut baik di mana pelbagai projek berkaitan telah dilaksanakan di seluruh negara. Pelaksanaan projek ini akan diteruskan memandangkan terdapat banyak lagi keperluan terhadap projek infrastruktur asas terutamanya di kawasan luar bandar.

#### **SKOP PROJEK**

3. Peruntukan khas ini boleh digunakan untuk membina, membaiki dan menaik taraf projek-projek infrastruktur asas bagi kegunaan orang awam. Skop projek antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Titi / Jambatan kecil;

- (ii) *Culvert / gabion*
- (iii) Jeti kecil;
- (iv) Parit / longkang; dan
- (v) Jalan kampung / jalan pertanian yang tidak berturap/berturap; dan
- (vi) Lain-lain skop kerja yang mendapat kelulusan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM.

### **KRITERIA PEMILIHAN PROJEK**

4. Projek yang boleh dibiayai di bawah program ini hendaklah memenuhi skop kerja seperti di para 3. Keutamaan adalah untuk projek-projek infrastruktur asas di kawasan luar bandar.

5. Had nilai projek yang ditawarkan hendaklah tidak melebihi RM500,000. Keutamaan hendaklah bagi projek bernilai di antara RM50,000 hingga RM200,000 yang memberi banyak manfaat kepada orang awam terutama sekali penduduk di kawasan luar bandar.

6. Projek pembinaan jambatan kecil hendaklah menggunakan pelan standard yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

### **JAWATANKUASA PELAKSANAAN PROJEK PENYELENGGARAAN**

7. Bagi melaksanakan projek infrastruktur asas ini, Jawatankuasa berikut hendaklah ditubuhkan:

**a. Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor**

Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan senarai projek yang akan dilaksanakan berasaskan kriteria di para 4 dan 5 serta menentukan senarai kontraktor yang layak dipilih melaksanakan projek tersebut.

Jawatankuasa ini hendaklah membuat **penilaian dan tapisan terperinci** ke atas setiap kontraktor bagi memastikan hanya kontraktor yang benar-benar layak sahaja disenaraikan dan dipilih secara undian dan sebut harga (bagi projek yang tidak tersenarai di dalam Jadual Kadar Harga JKR) dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Keahliannya adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : Pengarah Pembangunan Persekutuan/  
Pengarah Pembangunan Negeri mengikut  
mana yang berkenaan

Pengerusi Ganti : Timbalan Pengarah Pembangunan  
Persekutuan/Timbalan Pengarah  
Pembangunan Negeri mengikut mana  
yang berkenaan

Ahli-ahli : (i) Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen  
mengikut mana yang berkenaan atau wakil

: (ii) Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri/  
Pengarah Unit Teknikal JPP bagi Negeri  
Kelantan dan Sabah mengikut mana yang  
berkenaan atau wakil

**b. Jawatankuasa Perolehan Projek**

Jawatankuasa ini bertanggungjawab meluluskan pelantikan kontraktor secara undian dan sebut harga (bagi projek yang tidak tersenarai di dalam Jadual Kadar Harga JKR) bagi projek yang akan dilaksanakan. Keahliannya adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : Pengarah Pembangunan Persekutuan/  
Pengarah Pembangunan Negeri mengikut mana  
yang berkenaan

Pengerusi Ganti : Timbalan Pengarah Pembangunan  
Persekutuan/Timbalan Pengarah  
Pembangunan Negeri mengikut mana  
yang berkenaan

Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen  
mengikut mana yang berkenaan atau wakil  
sekiranya Timbalan Pengarah Pembangunan  
Persekutuan/Timbalan Pengarah Pembangunan  
Negeri tidak dapat mempengerusikan  
mesyuarat

- Ahli-ahli
- : (i) Wakil Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri (Sekiranya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen)
  - : (ii) Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen mengikut mana yang berkenaan atau wakil (Sekiranya dipengerusikan oleh Pengarah/Timbangan Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri)
  - : (iii) Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri/ Pengarah Unit Teknikal JPP bagi Negeri Kelantan dan Sabah mengikut mana yang berkenaan atau wakil
  - : (iv) Seorang pegawai awam (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Jawatankuasa membuat keputusan dengan lebih berkesan.

8. Kuorum bagi Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor dan Jawatankuasa Perolehan Projek hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk Pengerusi. Keputusan hendaklah secara majoriti. Kehadiran wakil JKR/Pengarah Unit Teknikal JPP bagi Negeri Kelantan dan Sabah mengikut mana yang berkenaan adalah diwajibkan bagi Jawatankuasa Perolehan Projek.

9. Ahli-ahli Jawatankuasa di atas yang mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai sesuatu perolehan di atas hendaklah mengisytiharkan kepentingannya dan menarik diri daripada mesyuarat tersebut dan perkara ini hendaklah diminitkan.

10. Pemilihan projek dan kontraktor hanya boleh dibuat oleh kedua-dua Jawatankuasa tersebut di atas sahaja.

## **KRITERIA PEMILIHAN KONTRAKTOR**

11. Dalam meluluskan pelantikan kontraktor, Jawatankuasa Perolehan Projek hendaklah memastikan kriteria-kriteria berikut dipatuhi:

- (i) Kontraktor merupakan syarikat yang telah berdaftar sebagai kontraktor Kelas F tempatan dengan PKK/PUKONSA/UPK dan pendaftaran masih berkuat kuasa;

- (ii) Kontraktor hendaklah mempunyai keupayaan untuk melaksanakan projek dari segi pekerja, kemahiran teknikal dan kemudahan peralatan kerja;
- (iii) Kontraktor yang tidak mempunyai sebarang kerja dalam tangan dengan agensi kerajaan semasa pemilihan dibuat; dan
- (iv) Pemilik lesen pendaftaran adalah bergiat sepenuh masa sebagai kontraktor.

## **SYARAT-SYARAT PEROLEHAN**

12. Dalam membuat keputusan, Jawatankuasa Perolehan Projek hendaklah memastikan semua peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan syarat-syarat berikut dipatuhi:

- (i) Projek-projek hendaklah diagihkan sama rata di kalangan kontraktor-kontraktor dalam kawasan dan daerah yang sama;
- (ii) Bagi projek di mana kontraktor Kelas F tempatan kurang atau tiada, kontraktor Kelas F di daerah berhampiran boleh ditawarkan;
- (iii) Projek tidak boleh ditawarkan kepada kontraktor yang terdiri daripada ahli keluarga yang sama yang telah mendapat projek sama ada di bawah Program Infrastruktur Asas atau Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam;
- (iv) Penentuan harga tawaran projek hendaklah berpandukan Jadual Kadar Harga JKR semasa yang berkuat kuasa iaitu Jadual Kadar Harga Kejuruteraan Awam dan Bangunan JKR dan Jadual Kadar Harga Elektrik JKR;
- (v) Bagi kerja-kerja yang mempunyai Jadual Kadar Harga JKR, pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara undian sahaja. Bagi kerja-kerja yang tidak mempunyai Jadual Kadar Harga JKR, pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara sebut harga;
- (vi) Bagi kerja-kerja yang tidak tersenarai dalam Jadual Kadar Harga JKR, pemilihan hendaklah dibuat secara sebut harga di kalangan kontraktor kelas F tempatan atau kontraktor Bumiputera Kelas E tertakluk kepada had nilai dan kelas pendaftaran kontraktor yang ditetapkan;

- (vii) Bagi projek kerja infrastruktur asas di Sabah dan Sarawak, kontraktor Bumiputera Kelas E boleh dilantik secara undian bagi kerja yang mempunyai Jadual Kadar Harga JKR dan secara sebut harga bagi kerja-kerja yang tidak mempunyai Jadual Kadar Harga JKR sekiranya terdapat kekurangan kontraktor Kelas F tempatan;
- (viii) Kontraktor bagi perolehan kerja infrastruktur asas hanya boleh mendapat satu projek sahaja sama ada secara undian atau sebut harga;
- (ix) Bagi kerja-kerja elektrik bernilai RM50,000 ke bawah, keutamaan undian hendaklah dimulakan di kalangan kontraktor Bumiputera Tempatan Kelas VI dan V terlebih dahulu. Kontraktor Bumiputera Tempatan Kelas III dan IV hanya dibenarkan sekiranya semua kontraktor Kelas VI dan V di daerah berkenaan telah pun memperolehi kerja-kerja elektrik. Kontraktor Bumiputera Tempatan Kelas III dan IV yang telah memperolehi kerja-kerja elektrik di dalam projek ini tidak dibenarkan melaksanakan kerja-kerja elektrik bernilai RM50,000 ke bawah melainkan undian bagi pusingan kedua untuk kerja-kerja elektrik telah pun diperolehi oleh kontraktor Bumiputera Tempatan Kelas VI dan V; dan
- (x) Keputusan kontraktor yang berjaya hendaklah dipamerkan. Ini termasuk nama kontraktor, nama projek, kos projek dan maklumat projek dan tempoh pelaksanaan.

13. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa kontraktor dipilih mengikut syarat-syarat perolehan yang ditetapkan.

## **KAEDAH BAYARAN**

14. Kontraktor hendaklah dibayar dalam tempoh 14 hari setelah projek disahkan siap sepenuhnya oleh pihak pengguna yang berkenaan tertakluk kepada kontraktor mengemukakan dokumen tuntutan bayaran yang lengkap.

15. Walau bagaimanapun bagi memastikan peruntukan dibelanjakan dengan segera dan untuk membantu kewangan kontraktor, bayaran boleh dibuat seperti berikut:

- (i) projek yang telah mencapai kemajuan kerja melebihi 50% hingga 70% dibayar mengikut peratusan siap kerja;
- (ii) pengesahan tahap % kemajuan kerja dibuat oleh kontraktor sendiri; dan

- (ii) mana-mana kontraktor yang gagal menyiapkan projek selepas menerima bayaran kemajuan akan disenaraihitamkan oleh Kementerian Kewangan.

16. Bagi kaedah bayaran di para 15 (i) di atas, tuntutan oleh kontraktor perlu dikemukakan terus ke Pejabat Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Negeri dengan mengemukakan borang Laporan Tahap Kemajuan Kerja dan Sijil Aku Janji seperti di **Kembaran I** dan **Kembaran II**.

17. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri hendaklah memastikan bahawa semua bayaran diselesaikan dalam tahun kewangan semasa.

## **TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR**

18. Kontraktor yang telah memperolehi projek adalah dikehendaki untuk membuat akuan rasmi bahawa pihaknya tidak akan 'menjual' kontrak atau mensubkontrakkan projek kepada pihak lain. Tindakan penamatan kontrak dan pembatalan pendaftaran akan diambil ke atas kontraktor yang melanggar peraturan ini. Syarat ini hendaklah dinyatakan dalam surat tawaran.

19. Kontraktor yang melaksanakan projek hendaklah menyediakan papan tanda di tapak projek seperti di **Kembaran III** yang mengandungi maklumat seperti berikut:

- (i) Tajuk : Projek Infrastruktur Asas
- (ii) Nama Kontraktor:
- (iii) Lesen Pendaftaran:
- (iv) Nama Projek:
- (v) Tarikh Mula Projek:
- (vi) Tarikh Siap Projek:

20. Kontraktor adalah dikecualikan daripada mengemukakan Bon Pelaksanaan. Walau bagaimanapun, tempoh tanggungan kecacatan seperti di bawah juga dikenakan kepada kontraktor dan syarat ini hendaklah dinyatakan dalam surat tawaran:

<b>Nilai Projek</b>	<b>Tempoh Tanggungan Kecacatan</b>
RM10,000 – RM100,000	6 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap
Melebihi RM100,000	12 bulan dari tarikh kerja diperakukan siap

Kontraktor dikehendaki menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan menyiapkan projek dalam masa ditetapkan dan kegagalan memenuhi tanggungan kecacatan di atas akan menjejaskan peluang kontraktor untuk mendapat projek Kerajaan di masa hadapan.

## **PEMANTAUAN DAN PELAPORAN**

21. ICU, JPM akan memantau keseluruhan pelaksanaan projek infrastruktur asas ini. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri dan Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen mengikut mana yang berkenaan bertanggungjawab memantau projek-projek infrastruktur asas yang dilaksanakan di peringkat negeri/daerah masing-masing.

22. Fail khusus yang mengandungi dokumentasi mengenai pelaksanaan projek hendaklah diwujudkan di peringkat negeri dan daerah bagi urusan pemeriksaan oleh agensi pusat. Gambar hendaklah diambil sebelum projek dimulakan dan selepas projek disiapkan.

23. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri dan Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen mengikut mana yang berkenaan, adalah bertanggungjawab membuat pengawasan ke atas pelaksanaan projek. Sekiranya Pejabat Daerah tidak berkeupayaan membuat pengawasan, bantuan bolehlah diperolehi daripada Jabatan Teknik sama ada JKR atau JPS.

24. Laporan kemajuan pelaksanaan projek di peringkat daerah hendaklah disediakan oleh Pegawai Daerah/Pegawai Jajahan/Residen dan dikemukakan kepada Pengarah Pembangunan Persekutuan/Pengarah Pembangunan Negeri untuk penyelarasan. Pengarah Pembangunan Persekutuan/Negeri hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kepada ICU, JPM. Laporan yang telah diselaraskan oleh ICU, JPM hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan pada setiap minggu.

25. Semua agensi yang terlibat hendaklah membuat perancangan awal mulai sekarang bagi membolehkan pengagihan peruntukan tahunan diuruskan pada awal tahun dan seterusnya bayaran dapat diselesaikan dalam tahun kewangan semasa.

26. Carta aliran Projek Infrastruktur Asas adalah seperti di **Kembaran IV**.

27. Tindakan surcaj boleh dikenakan ke atas mana-mana pegawai yang tidak mematuhi garis panduan ini atau melanggar mana-mana peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.



## **ADUAN**

28. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan pengurusan perolehan ini boleh mengemukakan aduan terus kepada:

Ketua Pengarah,  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 3 Timur, Bangunan Perdana Putra,  
**62502 PUTRAJAYA.**

## **KUAT KUASA**

29. SPP ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP Bil. 2 Tahun 2006 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Izzuddin bin Dali)  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

30 Januari 2007

s.k.

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara  
Ketua Pengarah UPP  
Ketua Pengarah UPE  
Ketua Pengarah JKR  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
**PERAKUAN TAHAP KEMAJUAN KERJA**

1. **Nama Projek :** .....  
.....
2. **Nilai Projek :** .....
3. **Tempoh kerja :** .....  
**(Nyatakan tarikh sebenar seperti dalam surat tawaran/ inden)**

**Saya mengesahkan bahawa tahap kemajuan kerja saya sehingga pada tarikh ..... adalah sebanyak .....%.**

**Nama saya:** .....

**No Kad Pengenalan :** .....

**No Sijil PKK :** .....

**Tandatangan :** .....

**Cap Syarikat :**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
**SURAT AKU JANJI**

- 1. **Nama Projek :** .....
- .....
- 2. **Nilai Projek :** .....
- 3. **Tempoh kerja :** .....

**Saya bersetuju untuk melaksanakan projek seperti di atas mengikut masa dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan. Sekiranya saya gagal mematuhi syarat yang tersebut, saya bersetuju supaya Kerajaan Malaysia mengambil tindakan undang-undang ke atas syarikat saya dan syarikat saya di senarai hitamkan.**

**Nama saya:** .....

**No Kad Pengenalan :** ..... .....

**No Sijil PKK :** .....

**Tandatangan :** .....

**Cap Syarikat :**

## KEMBARAN III

### PAPAN TANDA BAGI PROJEK INFRASTRUKTUR ASAS (PIAS)



**CARTA ALIRAN BAGI PROJEK  
INFRASTRUKTUR ASAS**

